**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR**
**BILANGAN 2/1980**

=============================================================

## TANAH SIMPANAN MELAYU

-----------------------------------------

Di dalam perkara ini Perlembangan Persekutuan ada menguntukkan penggantian di bawah Fasal 89 (3) (C) Tanah Rezab Orang Melayu mengatakan seperti berikut:-

> "Jika mana-mana tanah terhenti menjadi tanah rezab orang Melayu, mana-mana tanah yang serupa jenisnya dengan tanah itu dan seluas tidak lebih daripada luas tanah itu."

2. Adalah diperhatikan banyak tanah-tanah Simpanan Melayu telah diambil balik tetapi tidak berganti. Dengan demikian tuan-tuan adalah diminta menyemak buku rekod terutama Buku Kemajuan Pengambilan Balik Tanah dan dimana tuan-tuan rezab melayu diambil sama ada telah diganti kawasannya atau belum. Kemudian, tuan-tuan diminta membuat satu Daftar Pengambilan balik tanah rezab Melayu itu dan catitkan di atasnya samada sudah diganti atau belum.

3. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor telah memberi arahan iaitu supaya semua tanah Simpanan Melayu yang telah diambil balik (Acquired) diganti seluas yang telah diambil balik.

4. Apabila daftar ini sudah siap ambil tindakan untuk mengisytiharkan gantinya sebagai Orang Melayu di bawah Fasal 89(3)(c).

5. Sayugia diingatkan pada masa hadapan sebelum diambil mana-mana tanah rezab orang Melayu gantinya sudah ditentukan.

T.T
**(RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH BIN RAJA ABD. RASHID)**
B.P PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL. 4045.(2)

SHAH ALAM
29HB NOVEMBER 1980